

Kerajaan tubuh Agensi Pengurusan Bencana Negara

PUTRAJAYA 2 Sept. - Kerajaan hari ini mengumumkan penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) yang merupakan sebuah agensi baharu bagi mengurus dan menyelaras ketika berlakunya bencana di dalam negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, APBN akan mengambil alih peranan pengurusan bencana alam seperti banjir, jerebu dan gempa bumi yang sebelum ini diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Katanya, agensi itu akan diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dan dibantu dengan kekuatan anggota pasukan serta mempunyai aset tersendiri.

"Kerajaan turut memutuskan bahawa Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) diletakkan di bawah APBN yang akan berperanan dalam pengurusan bencana di peringkat komuniti.

"Prosedur dan mekanisme APBN berdasarkan Arahan MKN No .20 dengan pengurusan bencana di setiap negeri dan daerah masih di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Daerah," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang hadir sama Setiausaha MKN, Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab.

Menurut Shahidan, dengan kewujudan APBN, MKN kini berperanan dalam menjaga soal keselamatan negara.

Kata beliau, antara menjadi keutamaan agensi tersebut sekarang ialah JPAM perlu mewujudkan unit komuniti khususnya di negeri-negeri yang sering kali menghadapi bencana.

"Selain itu, keutamaan APBN sekarang adalah pembelian aset-aset tambahan di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) yang meliputi kenderaan trak dan bot penyelamat.

"Walau bagaimanapun, jumlah perbelanjaan pembelian aset bakal ditentukan selepas melihat jumlah aset sedia ada," ujarnya.

Dalam masa sama, Shahidan



APBN akan mengambil alih peranan pengurusan bencana alam seperti banjir, jerebu dan gempa bumi yang sebelum ini diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara."

SHAHIDAN KASSIM
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

melihat penubuhan APBN tepat pada masanya supaya pengurusan operasi ketika berlakunya bencana dapat berjalan lancar dan dilakukan dengan segera serta pantas.

"APBN akan mengadakan mesyuarat pertama 8 September ini untuk membuat persediaan menghadapi banjir pada hujung tahun," katanya.